

# Pelajar universiti dinasihati tidak terpengaruh kegiatan pengganas

UB 19.4.17 A5

KOTA KINABALU: Pelajar universiti dinegara ini dinasihati agar tidak mudah terpengaruh dengan kegiatan pengganas atau aktiviti-aktiviti yang boleh menggugat keamanan negara.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, walaupun pembabitatan penuntut dalam aktiviti keganasan tidak serius di Sabah, namun polis tidak akan sambil lewa dalam soal mengambil langkah pencegahan bagimembendung penuntut universiti terbabit kegiatan itu.

“Dalam hal ini, pencegahan adalah langkah terbaik yang kita boleh lakukan dan universiti juga turut memainkan peranan penting dalam membendung pelajar daripada terlibat dengan kegiatan yang menyalahi undang-undang.

“Polis sentiasa memantau sebarang kegiatan siswasiswi terutama melibatkan ancaman keganasan dan perhimpunan haram yang menggugat keharmonian



**KHALID** menyampaikan syarahan.

negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan ‘*Ancaman Keselamatan Semasa*’ di hadapan lebih 500 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) bersempena program Syarahan Perdana CEO@ Faculty di Dewan Resital UMS.

Mengenai program CEO@ Faculty, beliau sangat teruja kerana berpeluang untuk menyampaikan pandangan dan nasihat beliau sebagai Ketua Polis Negara kepada

anak-anak muda, selain dapat berkongsi maklumat berkenaan isu-isu keselamatan negara pada masa kini.

“Saya dilantik oleh Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai CEO bagi Universiti Sains Islam Malaysia, yang mana kami dikehendaki memberi ceramah mengenai bidang masing-masing di semua universiti, dan terima kasih kepada Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah kerana menjemput saya memberikan ceramah

kepada pelajar UMS,” kata beliau yang juga merupakan Profesor Adjung UMS.

Terdahulu, Harun berkata program sedemikian secara tidak langsung dapat menjadi pencetus semangat kepada semua betapa pentingnya keselamatan negara dijaga dan seterusnya dapat menanamkan perasaan cintakan negara.

“UMS akan memainkan peranan penting membentuk minda, emosi dan tingkah laku pelajar supaya tidak terjebak dengan keganasan dan jenayah.

“Diharapkan, melalui jalinan hubungan antara pihak universiti dan PDRM, hal ini dapat menguatkan lagi usaha murni membanteras penularan ancaman-ancaman ini kepada para pelajar di universiti,” katanya.

Hadir sama Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Ramli Din, Timbalan Pesuruhjaya Polis Sabah Dato’ Razarudin Husan, dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS Prof. Madya Dr Ismail Ali.